

Bimbang gejala sosial meningkat

Penduduk gesa pantau kewujudan premis judi, rumah urut serta penjualan minuman keras

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM - Penduduk Taman Sri Muda menyuarakan rasa bimbang terhadap keselamatan dan ketenteraman mereka dengan kewujudan premis judi haram, rumah urut serta penjualan minuman keras yang semakin berleluasa di sekitar kawasan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 23, Nahar Ahmad berkata, selain bimbang soal ketenteraman, kewujudan premis-premis berkenaan juga secara tidak langsung menyumbang kepada masalah gejala sosial khususnya di kalangan remaja.

"Sejak akhir-akhir ini, pihak kita menerima banyak aduan dan rungutan daripada penduduk di sini ber-



Nahar (tiga, kiri) bersama penduduk Taman Sri Muda yang menyuarakan kebimbangan mereka dengan kewujudan premis judi dan rumah urut di sekitar kawasan Sri Muda.

kaitan kewujudan banyak premis judi haram, rumah urut yang beroperasi tanpa pengawasan pihak berkuasa

tempat (PBT).

"Penduduk juga bimbang dengan peningkatan gejala sosial di kawasan sekitar yang

kian menjadi-jadi, mereka takut anak-anak mereka juga akan terjebak sama," katanya kepada pemberita.

Menurutnya, walaupun telah kerap kali melakukan aduan kepada pihak PBT secara lisan dan bertulis, namun tindakan yang diambil setakat ini dilihat masih gagal membendung operasi premis-premis berkenaan.

PBT serta pihak bertanggungjawab lain juga digesa melakukan pemantauan dengan lebih serius kerana premis-premis berkenaan dipercayai beroperasi di sebalik lesen hiburan yang sah.

"Ada depannya kedai runcit tapi di belakang rumah urut, ada kita lihat kedai salon tapi belakangnya ada mesin judi haram," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat, dalam satu kenyataan berkata, pihak polis konsisten melakukan operasi banteras

premis perjudian melalui hasil pemantauan dan juga aduan awam.

Menurutnya, bagi kawasan Sri Muda, 202 operasi serbuan ke premis perjudian telah dijalankan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017 dan merampas 1470 unit komputer serta rampasan tunai berjumlah RM18,274.

"Daripada 202 serbuan Ops Dadu (Mesin Perjudian), 159 pekerja premis pelbagai bangsa ditangkap dan 71 pemain atau pelanggan ditahan, kesemua tangkapan dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 4B (a) ARJT 1953

"Polis Shah Alam juga mengambil tindakan tegas ke atas premis ini termasuk memohon kepada agensi berkaitan untuk memotong bekalan elektrik dan air," katanya.